



## KENYATAAN AKHBAR KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

### SITUASI SEMASA JANGKITAN PENYAKIT CORONAVIRUS 2019 (COVID-19) DI MALAYSIA 8 NOVEMBER 2021

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) ingin memaklumkan status terkini kes COVID-19 di Malaysia sehingga 8 November 2021 (jam 12:00 tengah hari);

- Kes sembuh : **7,348 kes** (2,419,743 kes kumulatif, 96.37%);
- Kes baharu : **4,543 kes** (2,510,852 kes kumulatif);
- Kes import : **15 kes** (13 warganegara; 2 bukan warganegara);
- Kes tempatan : **4,528 kes** [4,339 warganegara (95.8%); 189 bukan warganegara (4.2%)];
- Kes yang memerlukan rawatan di Unit Rawatan Rapi (ICU) : **534 kes** (529 kes disahkan COVID-19 ; 5 kes disyaki, kemungkinan, dan kes dalam siasatan) ;
- Kes memerlukan bantuan pernafasan : **263 kes** (205 kes disahkan COVID-19 ; 58 kes disyaki, kemungkinan, dan kes dalam siasatan)

- Jumlah kluster : **5,812 kluster**;
- Jumlah kluster baharu : **6 kluster**;
- Jumlah kluster yang telah tamat : **5,498 kluster**; dan
- Jumlah kluster aktif : **314 kluster**.

Daripada **4,543 kes** harian yang dilaporkan pada hari ini;

- **112 kes (2.5 peratus)** adalah kategori 3, 4, dan 5; dan
- **4,431 kes (97.5 peratus)** lagi adalah terdiri daripada kategori 1 dan 2.

Perincian kluster-kluster baharu dan nilai RT mengikut negeri adalah seperti di Lampiran 1 dan 2 yang disertakan bersama kenyataan media ini. Manakala, maklumat terperinci lain berkenaan situasi semasa jangkitan dan penularan COVID-19 di Malaysia akan dimuatnaik ke laman web COVIDNOW di <https://covidnow.moh.gov.my>. Data akan dikemaskini pada jam 12:00 tengah malam setiap hari.

## **ANALISA SITUASI SEMASA JANGKITAN COVID-19 DI MALAYSIA (MINGGU EPIDEMIOLOGI KE-44)**







Sehingga 6 November 2021 [Minggu Epidemiologi (ME) ke-44], sebanyak **2,501,966 kes kumulatif** COVID-19 telah dilaporkan dengan **65,505 kes aktif** dan **29,256 kes kumulatif kematian**. Kebanyakan indikator utama menunjukkan **tren penurunan**. Walau bagaimanapun, **kadar kes yang memerlukan rawatan di Unit Rawatan Rapi (ICU) menunjukkan peningkatan sebanyak 2 peratus** berbanding minggu epidemiologi sebelumnya (ME ke-43).

### ***1. Indikator-indikator Jangkitan COVID-19***

Pada ME ke-44 iaitu daripada **31 Oktober 2021 sehingga 6 November 2021**;

- Kes baharu COVID-19 menunjukkan **penurunan sebanyak 13.1 peratus** iaitu daripada 40,613 kes (ME ke-43) kepada 35,303 kes (ME ke-44);
- Purata kes aktif menunjukkan **penurunan sebanyak 7.0 peratus** iaitu daripada 70,829 kes (ME ke-43) kepada 65,573 kes (ME ke-44). **Penurunan kes aktif ini dilihat konsisten sejak sembilan (9) minggu lepas**;

- Kes kematian menunjukkan **penurunan sebanyak 27.2 peratus** iaitu daripada 522 kes (ME ke-43) kepada 380 kes (ME ke-44);
- Kes yang memerlukan rawatan di Unit Rawatan Rapi (ICU) menunjukkan **kenaikan 2.0 peratus** iaitu 505 kes (ME ke-43) kepada 516 kes (ME ke-44);
- Kes yang memerlukan bantuan pernafasan **tidak menunjukkan perubahan ketara** dan kekal sebanyak **214 kes (ME ke-44)**;
- Pada 6 November 2021, nilai Rt Malaysia telah menunjukkan **penurunan harian** dari 0.96 (95% CI 0.95 – 0.97) ke 0.91 (95% CI 0.90 – 0.92) sejak 1 November 2021. Untuk makluman, nilai Rt melebihi 1 menunjukkan **potensi berlakunya rantaian penularan jangkitan COVID-19** seperti yang dilihat pada permulaan gelombang ketiga.












INDIKATOR	ME ke-43 (24/10-30/10)	ME ke-44 (31/10-6/11)	Perbandingan ME ke 43/44 (%)
Kes Kumulatif COVID-19	2,466,663	2,501,966	 + 1.4
Kes Baharu	40,613	35,303	 - 13.1
Kumulatif Kes Kematian	28,876	29,256	 + 1.3
Kes Kematian	522	380	 - 27.2
Penggunaan Katil ICU (Purata)	505	516	 + 2.2
Penggunaan Alat Bantuan Pernafasan (Purata)	214	214	 0.0%

Jadual 1 : Perbandingan Indikator Jangkitan COVID-19 bagi ME ke-43 dan ME ke-44

## 2. Kluster

Sehingga 6 November 2021, terdapat kumulatif **5,719 kluster** telah dilaporkan dan hanya **335 kluster masih lagi aktif (penurunan sebanyak 23.5 peratus berbanding ME ke-43)**. Sebanyak 137 kluster telah diisytiharkan tamat pada ME ke-44, lalu menjadikan penurunan sebanyak 17 peratus berbanding ME ke-43. Sebanyak 34 kluster telah dilaporkan pada ME ke-44 yang terdiri daripada (**Jadual 2**);

- **Lapan belas (18) (52.9 peratus)** kluster tempat kerja;
- **Tujuh (7) (20.5 peratus)** kluster pusat pendidikan;
- **Enam (6) (17.6 peratus)** kluster komuniti;
- **Satu (1)(3.0 peratus)** kluster kumpulan berisiko tinggi;
- **Satu (1)(3.0 peratus)** kluster aktiviti keagamaan; dan
- **Satu (1) (3.0 peratus)** kluster pusat tahanan.

	ME ke-43 (24/10 – 30/10)	ME ke-44 (31/10 – 06/11)	Perbandingan ME ke 43/44 (%)
Kumulatif Kluster	5,765	5,799	 0.6
Kluster Aktif	438	335	 23.5
Kluster Tamat	165	137	 17.0
Kluster Baharu	46	34	 26.1
<b>Kategori Kluster Baharu</b>			
1. Tempat Kerja	25	18	 28.0
2. Institusi Pendidikan	9	7	 22.2
3. Komuniti	7	6	 14.3
4. Kumpulan Berisiko Tinggi	5	1	 80.0
5. Keagamaan	0	1	 100.0
6. Pusat Tahanan	0	1	 100.0
7. Import	0	0	 0.0

*Jadual 2 : Jumlah Kluster Mengikut Kategori bagi ME ke - 43 dan ME ke - 44*

### 3. **Vaksinasi**

KKM juga ingin memaklumkan bahawa **sehingga 7 November 2021**, sejumlah **25,525,035 individu** telah mendaftar bagi mendapatkan vaksinasi COVID-19. Setakat 7 November 2021 pukul 11.59 malam, **75.2 peratus** daripada keseluruhan penduduk telah menerima suntikan vaksin COVID-19 lengkap [**94.8 peratus** daripada populasi dewasa dan **74.9 peratus** daripada populasi remaja]. Selain itu, pemberian dos penggalak juga giat dijalankan dengan kumulatif 506,236 dos setakat 7

Novmber 2021 di 672 pusat pemberian vaksin yang masih beroperasi.

#### 4. *Kapasiti Hospital*

Secara amnya, kadar penggunaan fasiliti kesihatan [katil wad biasa, Katil Unit Rawatan Rapi (ICU), dan Rawatan COVID-19 Berisiko Rendah (PKRC)] didapati semakin menurun selaras dengan peningkatan liputan vaksin. Sehubungan itu, bilangan katil yang diperuntukkan untuk merawat kes-kes COVID telah mula diturunkan secara berfasa di kebanyakan negeri bagi memberi perhatian kepada rawatan kes-kes selain COVID-19. Perincian tren penggunaan fasiliti kesihatan adalah seperti yang digambarkan pada **Jadual 3**.

Fasiliti Kesihatan	Kapasiti	Jumlah Penggunaan oleh kes yang disahkan COVID-19,kes disyakim kemungkinan dan kes dalam siasatan	Kadar Penggunaan (%)	Perbandingan ME Ke – 43/44 (%)
Katil Hospital (Wad Biasa)	14,786	5,722	39%	↓ 1%
Katil PKRC	24,515	8,847	36%	↔ -
Katil Hospital (ICU)	1,323	555	42%	↓ 1%
Alat Bantuan Pernafasan	2,816	1,128	40%	↔ -

*Jadual 3 : Kapasiti hospital dan ICU di hospital awam*

Di peringkat kebangsaan, bilangan pesakit COVID-19 yang dirawat di fasiliti kesihatan kian menurun dari minggu ke minggu di mana kedua-dua kategori pesakit iaitu kategori pesakit 1 dan 2 serta 3, 4 dan 5 didapati semakin menurun.

Walaupun bagaimanapun, mulai ME ke-42 hingga ME ke-44, terdapat **empat (4) negeri yang menunjukkan peningkatan dalam kemasukan pesakit kategori 3 hingga kategori 5** iaitu Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Perlis, Terengganu, dan Selangor dengan peningkatan sekitar 3 peratus hingga 17 peratus. KKM akan sentiasa menjalankan pemantauan dan penilaian dari semasa ke semasa supaya tindakan awal dapat diambil bagi mengatasi sebarang kebarangkalian peningkatan kes COVID-19 di masa hadapan.

Rakyat dinasihatkan untuk terus mengamalkan kepatuhan kepada Prosedur Operasi Standard (SOP) yang telah ditetapkan walaupun telah menerima suntikan vaksin lengkap. Amalkan tindakan kesihatan awam sendiri walau di mana sahaja kita berada. Seperti yang kerap disebutkan oleh YB Menteri Kesihatan, "***kita tidak selamat sehingga semua selamat.***"



## **NASIHAT KESIHATAN BERKAITAN COVID-19**

Memandangkan sesi persekolahan sudah dibuka semula, keselamatan dan kesihatan warga sekolah serta persekitaran sekolah yang selamat perlu diberi perhatian yang lebih dalam mencegah penularan wabak COVID-19 di sekolah. Ini kerana ia boleh mengakibatkan jangkitan yang lebih meluas di kalangan pelajar, guru, pekerja di institusi pengajian dan juga kepada keluarga mereka, seterusnya merebak pula ke komuniti.

Semua pihak yang terlibat seperti pihak sekolah, ibu bapa, pemandu bas sekolah, murid sekalian, dan juga semua yang terlibat dengan aktiviti pembukaan semula persekolahan diminta agar sentiasa patuh pada S.O.P sepanjang sesi persekolahan berlangsung agar kewujudan kluster baharu pendidikan dapat dicegah dan dielakkan. Jadikanlah tempat pengajian bagi anak-anak kita selamat agar mereka kekal terhindar dari bahaya COVID-19. Pastikan mereka yang berkelayakan untuk menerima vaksin COVID-19 segera divaksin lengkap.

KKM juga ingin menasihati orang ramai termasuk individu-individu yang telah menerima vaksin COVID-19 agar terus mematuhi saranan serta nasihat-nasihat kesihatan yang sering ditekankan iaitu;

- **Elakkan 3S:** (elakkan kawasan yang **sesak**, **sempit** dan **sempang** dengan jarak yang dekat).
- **Amalkan 3W:** (Amalkan **Wash**, **Wear** dan **Warn**).
- Sentiasa memakai pelitup muka di kawasan awam yang tertutup. Pemakaian pelitup muka berganda adalah digalakkan.

Patuhlah kepada Prosedur Operasi standard (SOP) sebagai norma baharu dan dapatkan vaksin COVID-19 bagi mengurangkan risiko jangkitan yang serius, bilangan kes kematian sekaligus membina imuniti kelompok. Dengan pengambilan vaksin, kita dapat melindungi orang di sekeliling daripada kemungkinan jangkitan COVID-19. Dengan imuniti kelompok yang terbentuk, kumpulan yang belum layak diberi imunisasi seperti kanak-kanak dapat dilindungi. Perlindungan untuk semua bermula daripada diri kita.

KKM akan terus memantau perkembangan kejadian jangkitan di dalam negara, dan juga luar negara melalui maklumat yang diperolehi daripada pihak WHO. KKM akan memastikan langkah

pencegahan dan kawalan yang sewajarnya dilaksanakan secara berterusan.

Sekian, terima kasih.

**TAN SRI DATO' SERI DR. NOOR HISHAM ABDULLAH**  
**KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA**

8 November 2021 @ 6:30 petang.

**LAMPIRAN 1****KLUSTER-KLUSTER BAHARU YANG DILAPORKAN DI MALAYSIA  
PADA 8 NOVEMBER 2021**

<b>NO</b>	<b>NAMA KLUSTER</b>	<b>KATEGORI KLUSTER</b>	<b>NEGERI</b>	<b>DAERAH</b>	<b>JUMLAH KES</b>	<b>JUMLAH DISARING</b>
1	Dah Batu Enam	Tempat Kerja	Kedah	Kulim	37	81
2	Industri Batu Jong	Tempat Kerja	Kelantan	Kuala Krai dan Machang	23	23
3	Persiaran Utama Kulai	Tempat Kerja	Johor	Kulai	5	16
4	Lingkaran Budi	Pendidikan Tinggi	WP Kuala Lumpur	Lembah Pantai	11	22
5	Putra Sebelas	Pendidikan Lain	WP Putrajaya	Putrajaya	5	32
6	Jalan Warisan Indah	Pusat Tahanan	Selangor	Sepang	16	92

**LAMPIRAN 2****NILAI  $R_T$  MENGIKUT NEGERI  
BERDASARKAN KES YANG DILAPORKAN  
PADA 7 NOVEMBER 2021**

<b>NEGERI</b>	<b>NILAI <math>R_T</math></b>
<b>WP PUTRAJAYA</b>	1.03
<b>WP KUALA LUMPUR</b>	1.00
<b>SELANGOR</b>	0.99
<b>NEGERI SEMBILAN</b>	0.97
<b>SABAH</b>	0.97
<b>PAHANG</b>	0.97
<b>MELAKA</b>	0.96
<b>KEDAH</b>	0.95
<b>PERLIS</b>	0.93
<b>KELANTAN</b>	0.92
<b>PULAU PINANG</b>	0.90
<b>JOHOR</b>	0.89
<b>SARAWAK</b>	0.88
<b>TERENGGANU</b>	0.86
<b>PERAK</b>	0.83
<b>WP LABUAN</b>	0
<b>MALAYSIA</b>	<b>0.92</b>